

MUSUH DALAM TERNAKAN

Jangkitan cacing hati lazim menyerang lembu, kerbau, kambing dan biri-biri

Oleh Prof Madya Dr Nur Mahiza Md Isa

Seekor lembu yang kelihatan sihat di padang ragut mungkin menyimpan ancaman menyap dalam hatinya.

Jangkitan cacing hati bukan sahaja menjejaskan kesihatan ternakan, malah turut memberi kesan kepada ekonomi peternak, keselamatan makanan dan kesihatan masyarakat.

Ini selalunya penyakit ternakan tidak boleh dilihat secara terpisah daripada manusia dan alam sekitar.

Dalam dunia yang semakin mencabar, pendekatan Satu Kesihatan (One Health) menjadi semakin penting.

Pendekatan ini menekankan bahawa kesihatan manusia, haiwan dan persekitaran saling berkait serta perlu ditangani secara bersama.

Salah satu penyakit yang selalu dilihat melalui pendekatan Satu Kesihatan ialah 'fasciolosis' atau 'fascioliasis' iaitu jangkitan cacing hati daripada genus 'Fasciola'.

Penyakit ini lazim menyerang ternakan ruminan seperti lembu, kerbau, kambing dan biri-biri.

Namun, ia juga penting daripada sudut kesihatan awam kerana berisiko zoonotik iaitu berpotensi menjangkiti manusia dalam keadaan tertentu.

Dalam ternakan, jangkitan cacing hati boleh menyebabkan keresakan hati, penurunan berat badan, anemia dan pengurangan produktiviti.

Hati ternakan yang ensak juga boleh ditolak di rumah sembelih. Bagi peternak kecil, kerugian seperti ini bukan perkara kecil kerana ia boleh menjejaskan pendapatan harian mereka.

Data tempatan menunjukkan, fasciolosis bukan masalah terencil.

Di Larut Matang dan Selama, Perak, satu kajian terhadap 23 ladang mendapati, lebih satu perempat daripada sampel bovin yang diperiksa positif fasciola.

Jangkitan dikesan dalam kebanyakan ladang yang dikaji. Risiko lebih tinggi pula dikaitkan



Walaupun kes sebegini amat jarang berlaku, ia mengingatkan kita bahawa fascioliasis bukan sekadar penyakit ternakan, tetapi boleh muncul dalam bentuk luar biasa pada manusia.

DR NUR MAHIZA

dengan kawasan ragutan luas, sistem penternakan ekstensif, ternakan lebih berumur, kondisi badan rendah dan ladang yang mempunyai lebih daripada satu spesies ruminan.

Di Sabah, kajian retrospektif selama 11 tahun turut menunjukkan kewujudan fascioliasis dalam ruminan.

Data makmal mendapati, hampir satu perempat sampel najis lembu dan kerbau yang diperiksa positif telur fasciola.

Rekod rumah sembelih pula menunjukkan terdapat hati ternakan yang ditolak akibat jangkitan ini.

Walaupun angka di rumah sembelih tidak begitu besar, ia tetap memberi mesej penting bahawa penyakit ini



TELUR cacing hati di bawah mikroskop.

wujud dalam rantian penternakan dan makanan negara.

Selain ternakan, kes manusia juga pernah dilaporkan di Malaysia.

Satu laporan kes dari Kuala Lumpur menunjukkan seorang lelaki berusia 56 tahun dengan sejarah abes hati hadir dengan ketulan puyudara yang sakit.

Pemeriksaan lanjut mendapati, terdapat telur fasciola spp. dalam tisu yang mengalami kerosakan.

Walaupun kes sebegini amat jarang berlaku, ia mengingatkan kita bahawa fascioliasis bukan sekadar penyakit ternakan, tetapi boleh muncul dalam bentuk luar biasa pada manusia.

Kitaran hidup cacing hati menjadikan penyakit ini sangat berkait rapat dengan alam sekitar. Telur parasit keluar melalui najis haiwan yang dijangkiti, kemudian berketuhang di kawasan berair.

Siput air tawar bertindak sebagai perumah perantara sebelum larva parasit mencemari tumbuhan atau kawasan ragutan lembu.

Ternakan boleh dijangkiti ketika meragut di kawasan tercemar. Manusia pula boleh terdedah melalui air, tumbuhan air, sayur mentah atau salad yang dicemari larva parasit.

Contoh, tumbuhan air seperti selada air atau sayur yang dibasuh menggunakan air tercemar boleh menjadi sumber jangkitan sekiranya dimakan mentah atau tidak dibersihkan dengan sempurna.

Oleh itu, penyakit ini bukan hanya bermula dan berakhir di ladang.

La memabatkan air, tanah, siput, tumbuhan, ternakan, amalan penyediaan makanan dan tingkah laku manusia.

Di sini konsep Satu

Kesihatan menjadi penting kerana risiko penyakit boleh bergerak daripada persekitaran kepada haiwan, seterusnya kepada manusia melalui makanan dan air.

Atas sebab itu, kawalan fasciolosis tidak boleh bergantung kepada rawatan ternakan semata-mata.

Jika haiwan diberi ubat tetapi kawasan ragutan masih tercemar, jangkitan boleh berulang. Jika sumber air dan habitat siput tidak dipantau, risiko penyakit tetap kekal.

Penyakit ini memerlukan penyelesaian yang melihat keseluruhan ekosistem, bukan hanya haiwan yang dijangkiti.

Walaupun risiko jangkitan manusia jarang berlaku, langkah pencegahan tetap penting kerana penyakit zoonotik sering muncul apabila hubungan antara manusia, haiwan dan alam sekitar tidak diurus dengan baik.

Cacing hati mungkin

kelihatan seperti masalah kecil di ladang, tetapi kesannya boleh merestasi sempadan antara haiwan, manusia dan alam sekitar.

Ia mengingatkan kita bahawa kesihatan masyarakat bermula daripada ekosistem yang sihat, ternakan yang terjaga dan makanan yang selamat.

Jika negara mahu mengurangkan risiko penyakit zoonotik dan melindungi keselamatan makanan, pendekatan Satu Kesihatan perlu diterjemahkan dalam tindakan sebenar.

Kawalan fasciolosis bukan sekadar usaha membasmi cacing hati, tetapi tanggungjawab bersama untuk menjaga kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar.

Penulis Petyarah Di
Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM)